

**WAWANCARA BERHUBUNG ISTILAH DAN
HUKUM BERKAITAN ANAK ANGKAT DI SISI ISLAM
BERSAMA
S.S. DATO' SERI UTAMA DIRAJA MUFTI SELANGOR**

Soalan 1:

Apakah hukum anak angkat yang di'bin'kan kepada bapa angkat?

Anak angkat secara umumnya, adalah istilah yang diberikan atau digunapakai oleh masyarakat. Hakikatnya mereka sama seperti manusia lain atau insan ciptaan Allah s.w.t. cuma yang membezakannya, ialah anak itu dilahirkan bukan daripada ibu keluarga tersebut. Menurut Islam, mengambil anak angkat dan memeliharanya adalah harus, tetapi mengakuinya sebagai anak sendiri dengan di'bin'kan atau di'binti'kan anak itu kepada si ayah angkat adalah haram.

Firman Allah s.w.t. menerusi surah Al-Ahzab, ayat 5 yang bermaksud:

Panggillah anak-anak angkat itu dengan ber'bin'kan kepada bapa-bapa mereka sendiri; cara itulah yang lebih adil di sisi Allah. Jika kamu tidak mengetahui bapa-bapa mereka, maka panggillah mereka sebagai saudara kamu yang seagama dan sebagai maula kamu. Dan kamu pula tidak dikira berdosa dalam perkara yang kamu tersilap melakukannya, (tetapi yang dikira berdosa itu ialah perbuatan) yang disengajakan oleh hati kamu melakukannya. Dan (ingatlah) Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani.

Begitu juga dengan sabda Rasulullah s.a.w. yang diriwayatkan oleh Muslim, bermaksud: 'Orang-orang yang berbin/binti kepada orang yang bukan bapanya yang sebenar maka ia dilaknati oleh Allah'.

Oleh yang demikian, mereka yang mengambil anak angkat dinasihatkan supaya mem'bin' atau mem'binti'kan anak angkatnya itu dengan nama bapanya yang sebenar jika bapanya yang sebenar itu beragama Islam atau

mem'bin' atau mem'binti'kan dengan Abdullah sekiranya anak angkatnya itu bukan berasal dari agama Islam.

Banyak kesan mengapa anak angkat ini tidak boleh dinisbahkan kepada bapa angkat. Antaranya, satu-satu keturunan itu ada keistimewaannya yang tertentu. Kalau dia di'bin'kan kepada orang yang tidak baik, maka ia membawa kesan kepada masa depannya. Sekiranya anak angkat dibinkan dengan nama bapa angkat, maka hubungan atau aurat mereka dengan adik-beradik daripada keluarga angkat yang pada hakikatnya boleh berkahwin, akan menimbulkan masalah.

Sejarah menceritakan bahawa Nabi Muhammad s.a.w. tidak pernah membezakan antara cucu angkatnya, Usamah bin Zaid dengan cucunya sendiri, Hassan bin Ali. Rasulullah melayan kedua-dua orang cucunya dengan adil. Baginda meletakkan kedua-duanya di atas pangkuannya. Ini membayangkan betapa kasih dan sayangnya baginda kepada kedua-dua cucunya ini. Maknanya dari segi kasih sayang, kena diberi sama rata, tidak kiralah sama ada ia anak angkat atau anak sendiri.

Soalan 2:**Apa langkah yang wajib dibuat apabila anak angkat yang di'bin'kan bapa angkat mengetahui perkara sebenar?**

Suka untuk saya menasihatkan pasangan yang mengambil anak angkat supaya status anak tersebut perlu diberitahu seawal mungkin, agar tidak menjejaskan keharmonian hubungan antara mereka. Seelok-eloknya selepas mereka berada dalam alam persekolahan rendah, kebenaran ini wajar diberitahu secara berperingkat-peringkat, dan paling utama, dengan cara penuh diplomasi serta menggunakan pendekatan yang bijak lagi berhemah. Ini supaya anak angkat tersebut akan dapat menilai kasih sayang yang dicurahkan oleh keluarga angkat kepada dirinya.

Di samping itu juga, mungkin dia dapat mengetahui kedudukan sebenar mengapa dia diberikan kepada orang lain. Ini juga membantu memperbaiki hubungan dengan keluarga kandung. Malah bagi anak angkat, tidak kira perempuan atau lelaki, kebaikan di pihak mereka ialah dapat membataskan pergaulan atau aurat mereka dengan ahli keluarga yang lain.

Selain itu, memudahkan urusan perkahwinan (bagi anak angkat perempuan) untuk mencari wali yang sebenar dalam menyelesaikan urusan pernikahan. Naluri untuk mengenali keluarga kandung itu tidak boleh lari dalam diri setiap anak yang bergelar anak angkat. Pun begitu, ibu bapa angkat tidak perlu bimbang dan kenalah bersikap terbuka, kerana selagi kita berlaku baik dan melayan adil kepada anak-anak ini, insya-Allah mereka akan mengingati insan yang membesarkan, memberi didikan dan kasih sayang sehingga mereka dewasa.

Tidak mustahil sesuatu yang buruk boleh berlaku, sekiranya mereka mengetahui tentang kebenaran tersebut apabila dewasa atau apabila hendak berkahwin (bagi yang perempuan). Kesannya akan lebih buruk kerana banyak tanggapan yang negatif lahir pada diri anak tersebut. Akhirnya, si anak bukan sahaja membenci keluarga kandung tetapi turut melibatkan keluarga angkat,

yang selama ini membesarkannya dengan penuh kasih sayang dan sama rata.

Perbuatan keluarga angkat yang sanggup merahsiakan status anak angkat kerana takut anak tersebut kembali kepada keluarga asal, adalah satu perbuatan yang tidak berapa elok, kerana ia umpama memisahkan kasih sayang dengan ibu, bapa atau keluarganya yang sebenar. Kalau begitulah tindakan ibu bapa kandung tersebut, tidak mustahil anak tersebut akan lari daripadanya juga akhirnya.

Soalan 3:**Bagaimana hak ke atas harta pusaka?**

Dalam soal pengambilan anak angkat daripada perspektif Islam, ia adalah amalan yang baik kerana ia melibatkan sikap tolong menolong dan saling membantu sesama manusia. Namun begitu, walau bagaimana sayang sekalipun ibu bapa angkat tersebut terhadap anak angkat mereka, terdapat beberapa peraturan di dalam Islam yang mesti dipatuhi.

Di antaranya, hukum-hakam berkaitan masalah nasab atau keturunan, aurat dan pewarisan harta pusaka. Anak angkat tidak boleh menerima pusaka dari bapa angkatnya; begitu juga sebaliknya.

Namun begitu, mereka boleh diberikan harta melalui cara lain. Contohnya hibah, iaitu pemberian ketika hidup dengan melakukan pemindahan milik dari bapa atau ibu angkat kepada anak angkatnya, begitu juga sebaliknya sekiranya anak angkat itu telah dewasa dan ingin berbakti kepada ibu bapa angkatnya. Selain itu, ia masih lagi boleh memberikan sebahagian daripada hartanya kepada anak angkatnya melalui kaedah wasiat, yang memperuntukkan tidak lebih dari $\frac{1}{3}$ (sepertiga) bahagian harta peninggalannya bagi anak angkatnya itu.

Soalan 4:

Apa yang harus dilakukan untuk membersihkan dosa arwah bapa angkatnya?

Perlu jelas di sini segala perkara atau perbuatan sama ada melibatkan dosa dan pahala itu adalah di atas tanggungjawab individu itu sendiri, bukan terletak pada orang lain. Kita tidak boleh mewariskan atau mewarisi dosa dan pahala orang lain. Perkara ini ditegaskan oleh Allah s.w.t. dalam surah al-Muddatthir, ayat 38 yang bermaksud:

Tiap-tiap diri terikat, tidak terlepas daripada (balasan buruk bagi amal jahat) yang dikerjakannya.

Namun demikian, walaupun ia seorang anak angkat, ia masih lagi boleh berbakti kepada kedua ibu bapa angkatnya apabila keduanya telah meninggal dunia sebagai mengenang jasa mereka yang telah mengasuh, mendidik dan berkorban untuk dirinya sewaktu ketika dahulu.

Terdapat beberapa amalan kebajikan yang boleh disumbangkan oleh seseorang anak kepada kedua ibu bapanya setelah meninggal dunia, antaranya:

1. Menjelaskan hutang.

Islam amat menitikberatkan dalam persoalan memberi, menerima dan membayar semula hutang kerana ia melibatkan hubungan sesama manusia ketika hidup di dunia hingga ke akhirat kelak. Seseorang yang berhutang wajib menjelaskan segala hutangnya dan sekiranya ia meninggal dunia sebelum sempat menyelesaikan hutangnya, maka tanggungjawab untuk membayarkan hutang adalah ke atas warisnya. Semua hutang sama ada melibatkan orang perseorangan, pihak bank dan sebagainya hendaklah dibayar tanpa mengira jumlahnya yang sedikit ataupun banyak.

2. Membayarkan zakat.

Seseorang yang meninggal dunia dan belum sempat membayar zakat, maka wajib bagi warisnya menjelaskan zakat tersebut kerana zakat yang belum dibayar itu adalah merupakan hutang seseorang hamba kepada Allah s.w.t. Kewajipan membayarnya pula didahulukan sebelum menjelaskan hutang yang lain, memenuhi wasiat dan pembahagian harta pusaka.

3. Membayarkan fidyah puasa.

Fidyah puasa itu ialah memberi sedekah dalam kadar satu cupak makanan asasi penduduk sesebuah negara samada daripada beras, gandum atau seumpamanya. Mereka yang diwajibkan membayar fidyah puasa ialah :

- Orang sakit yang tidak ada harapan akan sembuh penyakitnya.
- Orang tua yang tidak upaya berpuasa atau menemui kesukaran untuk berpuasa dengan sebab tuanya.

4. Mendoakan ibu bapa.

Doa anak yang soleh merupakan khzanah ibu bapa yang amat berharga. Abu Hurairah r.a. meriwayatkan, bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud: 'Apabila seseorang anak Adam meninggal dunia, maka putuslah segala amalannya melainkan tiga perkara; sedekah jariah atau ilmu yang bermanfaat atau anak yang soleh dan berdoa untuknya'.

5. Menghubungkan tali silaturrahim.

Menghubungkan tali silaturrahim adalah termasuk dalam perkara yang amat penting dan ianya merupakan salah satu tuntutan syariat yang harus mendapat perhatian utama daripada umat Islam. Mengeratkan hubungan silaturrahim dan berbuat baik dengan kaum kerabat dan sahabat ibu bapa adalah sebahagian daripada cara berbuat amal untuk keduanya yang telah meninggal dunia.

6. Menziarahi kubur.

Menziarahi kubur ibu bapa hukumnya adalah sunat. Kelebihan mengenang ibu bapa dengan berdoa dan menziarahi kuburnya membawa kebajikan yang bukan sahaja kepada anak-anak yang soleh tetapi juga kepada anak yang derhaka.

7. Memohon keampunan bagi dosanya.

Perkara yang paling mudah dan dapat dikerjakan oleh semua orang pada bila-bila masa ialah berdoa serta mohon keampunan bagi dosa kedua ibu bapanya sama ada yang masih hidup lebih-lebih lagi yang telah meninggal dunia.

8. Membuatkan haji untuknya.

Anak-anak digalakkan untuk membuatkan haji bagi kedua ibu bapanya yang telah meninggal dunia yang belum sempat menunaikan haji. Ia boleh dilakukan dengan membuat sendiri (bagi yang telah menunaikan haji untuk diri sendiri) atau dengan cara mengupahkannya kepada orang lain.

Walaupun bagaimanapun sekiranya kedua ibu bapa telah bernazar untuk menunaikan haji tetapi tidak berkesempatan kerana telah meninggal dunia, maka wajib bagi waris atau anak melakukan haji untuknya dengan segala perbelanjaan adalah daripada harta peninggalan simati.